

SIARAN MEDIA

KPKT KOMITED PASTIKAN PEMAJU SWASTA PATUH SYARAT PENYEDIAAN RUMAH MAMPU MILIK

PUTRAJAYA, 2 Jun 2023 – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyambut baik pengumuman YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri bahawa pemaju perumahan swasta perlu turut sama bertanggungjawab untuk membina rumah mampu milik.

Justeru, KPKT diminta untuk meneliti semula syarat yang menetapkan pemaju perumahan untuk menyediakan kediaman mampu milik dalam setiap projek mega yang dibangunkan. Ini kerana setiap pemaju perumahan swasta perlu mematuhi syarat yang telah diwajibkan untuk membina sekurang-kurangnya 30% rumah mampu milik dalam projek perumahan mega sejak 1981.

YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri KPKT berkata, "Langkah ini sebagai salah satu inisiatif secara kolektif antara kedua-dua pihak kerajaan dan pemaju perumahan di dalam menyediakan perumahan kepada rakyat."

Tambah beliau, "Kementerian juga sedang meneliti perkara ini di bawah kajian Dasar Perumahan Negara baharu dan juga Dasar Perumahan Mampu Milik yang diselarikan dengan konsep perumahan MADANI dalam usaha memastikan pihak swasta terlibat secara aktif di dalam menawarkan rumah mampu milik yang diperlukan mengikut lokaliti."

KPKT sentiasa peka dengan isu penyediaan rumah mampu milik kerana agenda pemilikan rumah merupakan antara fokus utama kementerian dalam memastikan kesejahteraan rakyat. Ini seiring dengan peranan KPKT dalam memastikan perancangan perumahan yang lebih komprehensif dan berdaya saing yang menjadi salah satu daripada tujuh (7) fokus utama yang telah digariskan oleh KPKT.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

